



## **KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA PENYAKIT X DAN KESIAPSIAGAAN MALAYSIA**

**5 OKTOBER 2023**

---

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin menjelaskan berkenaan “Penyakit X” kini yang sedang menjadi tumpuan banyak pihak. Penyakit X adalah istilah yang digunakan oleh Pertubuhan kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 2018, merujuk kepada sejenis patogen yang tidak diketahui, namun ia berpotensi menyebabkan wabak di seluruh dunia. Istilah ini diperkenalkan bagi menggalakkan peralihan tumpuan penyelidikan dari strain virus tunggal ke arah pengelasan virus yang lebih menyeluruh, seterusnya memperkukuhkan kapasiti global dalam kesiapsiagaan menghadapi patogen yang belum dapat dikenalpasti ini. WHO juga menekankan keperluan perancangan yang fleksibel dan pemantapan kesiapsiagaan bagi menghadapi Penyakit X ini.

Kemunculan penyakit-penyakit seperti SARS, MERS, Ebola, dan COVID-19 sepanjang tiga dekad yang lepas telah membawa ancaman berterusan kepada kesihatan dan ekonomi dunia. Faktor-faktor seperti perubahan iklim, ekosistem, dan urbanisasi telah menyumbang kepada risiko peningkatan wabak pada masa akan datang. Untuk mengatasi ancaman

ini, WHO menekankan kepentingan proses saintifik yang telus dalam kajian asal usul virus.

Walaupun ciri-ciri Penyakit X masih belum dikenal pasti dan waktu berlakunya penyakit ini belum diketahui, pakar-pakar kesihatan telah menyuarkan kebimbangan terhadap impaknya. Berbanding dengan COVID-19 yang kurang menyebabkan kematian, Penyakit X dijangka akan mudah tersebar seperti campak dan mungkin mengancam nyawa seperti Ebola.

Penularan Penyakit X boleh berasal dari pelbagai sumber termasuklah secara zoonotik, iaitu jangkitan dari haiwan kepada manusia. Kadar penyebaran Penyakit X akan semakin meningkat seiring dengan peningkatan kontak manusia dan haiwan, ditambah dengan pergerakan manusia merentas negara yang semakin mudah sekarang.

Sebagai pemantapan kesiapsiagaan bagi menghadapi penyakit yang belum diketahui ini, pelan pandemik yang komprehensif, perluasan kempen vaksinasi dan penyediaan peruntukan khas pandemik adalah penting seperti yang disarankan oleh WHO. Begitu juga dengan pemantauan berterusan, tindakan proaktif, penggunaan antibiotik yang rasional, langkah-langkah kawalan, dan kerjasama antarabangsa. Selain itu, pendekatan "One Health" yang menekankan hubungan antara manusia, haiwan dan kesihatan alam sekitar adalah komponen yang penting untuk mengeratkan kerjasama antara pelbagai disiplin. Penjagaan kesihatan individu dengan mengamalkan gaya hidup yang sihat seperti senaman, menguruskan berat badan dan mengelakkan faktor risiko seperti merokok juga boleh memantapkan kesiapsiagaan terhadap Penyakit X.

KKM sentiasa bersiapsiaga dan berwaspada terhadap kemungkinan munculnya Penyakit X berdasarkan pengalaman lalu dalam menangani penyakit seperti COVID-19, virus Nipah, SARS, dan MERS-CoV. Sistem kesihatan negara juga sentiasa diperkukuhkan sebagai persediaan menghadapi sebarang ancaman kesihatan yang mungkin berlaku.

Walaupun kemungkinan berlakunya Penyakit X perlu diberi perhatian, namun kebimbangan berlebihan perlu dielakkan. Orang ramai sentiasa dinasihatkan supaya mengikuti garis panduan kesihatan, mengamalkan kesihatan yang baik dan sentiasa mendapatkan maklumat terkini tentang perkembangan penyakit ini.

**DATUK DR MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN**  
**5 OKTOBER 2023**